

ISU PELAKSANAAN KOMUNIKASI BUKAN LISAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB MELALUI ATAS TALIAN

Nor Azhan Norul'Azmi¹, & Noor Shamshinar Zakaria²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

² Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Email: shamshinar@kuis.edu.my

Penulis Penghubung: Nor Azhan Norul'Azmi. Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 3 8911 7000 ext: 3330. Email: norazhan@kuis.edu.my

ABSTRACT

Kemahiran komunikasi bukan lisan (KBL) adalah tonggak kepada keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan guru. Oleh kerana pembangunan teknologi maklumat dan pengaruhnya terhadap amalan pendidikan, maka pelaksanaan komunikasi ini perlu dikuasai oleh guru secara atas talian. Penulisan ini menggunakan pendekatan meta analisis, iaitu dengan cara merujuk kajian lepas bagi mengenalpasti isu pelaksanaan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab melalui atas talian. Hasil analisis menunjukkan terdapat isu pelaksanaan KBL dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Arab melalui atas talian. Isu pelaksanaan KBL dalam kalangan guru ketika pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah tradisional dan atas talian masih berlaku walaupun mereka mempunyai ilmu pengetahuan terhadap subjek Bahasa Arab. Antara isu yang dikenalpasti ialah kelemahan amalan komunikasi lisan dan juga faktor luaran seperti bebanan tugas yang dipikul oleh guru dan sokongan teknologi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru yang mengajar secara tradisional perlu memperbaiki kelemahan dalam kemahiran KBL terlebih dahulu. Ini kerana ia akan menjadi bertambah sukar sekiranya proses PdPc dijalankan secara atas talian. Guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdPc era baharu ini kerana desakan dan keperluan teknologi dalam pendidikan sentiasa berubah dari masa ke masa. Demikian, prasarana dan teknologi perlu dibangunkan seiring dengan kejutuan dalam kemahiran komunikasi.

Kata kunci: *Isu Komunikasi; Komunikasi Bukan Lisan; Kesiediaan Guru Bahasa Arab; Pengajaran Atas Talian*

(THE ISSUE OF NONVERBAL COMMUNICATION PRACTICE IN ARABIC LANGUAGE TEACHING VIA ONLINE PLATFORM)

ABSTRACT

Nonverbal communication skills (NVC) are the cornerstone of effective teaching and facilitation process among teachers. Due to the development of information technology and its influence on education practices, the implementation of this communication via the online platform should be mastered by teachers as well. The discussion uses a meta-analysis approach by investigating previous studies to identify issues of NVC practice in online Arabic language teaching. The results showed some issues of NVC practice in Arabic Language teaching and facilitating process via online platforms. The issue of NVC practice among teachers during the teaching process in traditional or online classrooms still exists despite their knowledge of the subject matter itself. Among them are the weaknesses in verbal communication practices as well as external factors such as the workload and technology support. The implications of this study suggest that teachers who teach traditionally need to first improve their weaknesses in their NVC skills as it will be harder in the online teaching process. Teachers cannot avoid following the current trend of teaching and learning as the need for education is constantly changing when current technologies take place. Thus, infrastructure and technology need to be developed in tandem with excellent communication skills.

Keywords: *Communication Issues; Nonverbal Communication; Arabic Teaching; Online Classroom*

Received: June 19, 2019

Accepted: November 20, 2019

Online Published: December 20, 2019

1. Pengenalan

Kemahiran komunikasi telah menjadi elemen yang penting dalam mana-mana sistem pendidikan seluruh dunia terutamanya semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). PdPc tidak dapat dilaksanakan dengan baik tanpa komunikasi yang berkesan (Halias, Ismail & Baharudin, 2017). Dalam pengajaran, dua bentuk amalan komunikasi iaitu lisan dan bukan lisan merupakan elemen penting yang terdapat dalam kemahiran mengajar. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh guru dengan baik ketika proses PdPc. Kepentingan kemahiran ini kerana ia berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan supaya murid dapat mempelajari dan menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik. Gandingan dua kemahiran komunikasi ini perlu kerana komunikasi guru menjadi lebih berkesan jika satu set kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dapat digabungkan bersama.

Namun, para sarjana pendidikan memandang peri pentingnya aspek kemahiran komunikasi bukan lisan (KBL) berbanding lisan dalam pengajaran guru bagi mewujudkan pengajaran berkesan dan mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Hal ini kerana tarikan komunikasi lisan hanya melibatkan 20% daripada perkataan. Sebagai contoh, apabila kita mendengar guru yang banyak bercakap, maka sukar bagi pelajar untuk mengingati apa yang diperkatakan oleh guru (Silberman, 2010) malah besar kemungkinan pelajar tidak memberi tumpuan. Manakala KBL melibatkan 80% lebih memanfaatkan gerakan muka, mata, badan, jarak, penampilan, bau, dan nada suara (Halias, et. al. 2017). Menurut Hamzah, Ramli dan Mohd Daud (2011), keupayaan guru mengaplikasikan aspek bukan lisan dengan berkesan dapat mengekalkan momentum minat, kesungguhan dan keseronokkan para pelajar untuk

terus mengikuti pengajarannya. Beliau mencadangkan supaya guru kerap menukar intonasi suara, sentiasa bergerak ke depan dan belakang kelas, berkomunikasi melalui kontak mata dengan para pelajar serta mempelbagaikan gerak badan untuk disesuaikan dengan suasana pengajaran bagi mewujudkan pengajaran berkesan.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu KBL dan amalannya dalam pengajaran Bahasa Arab serta teknik yang sesuai diamalkan sama ada dalam bilik darjah tradisional atau atas talian. Ia juga membincangkan cara mengatasi isu kesediaan guru dalam kemahiran KBL. Amalan KBL ini dilihat penting dan perlu dibudayakan melalui e-pembelajaran sejajar dengan arus perubahan PdPc era baharu ini. Guru Bahasa Arab sewajarnya memiliki kompetensi KBL untuk mengoptimumkan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab. Mereka tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan PdPc baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

2. Definisi Kemahiran KBL

KBL ialah satu bentuk komunikasi yang mesejnya diambil daripada tingkah laku anggota badan dan gerak isyarat. Ia juga dirujuk sebagai bahasa badan iaitu bahasa perlakuan yang disampaikan melalui gerak badan, isyarat, jarak, prosodi atau nada suara, ekspresi dan orientasi wajah, postur, sentuhan, bau dan aspek ujaran lisan (*paralinguistic*) yang mempunyai maksud selain daripada apa yang dituturkan (Kendon, 1981). Al-Arini (2011) mendefinisikan KBL sebagai semua tingkah laku yang dihasilkan oleh tubuh manusia sama ada yang disengajakan atau tidak, yang dihasilkan secara fitrah semula jadi atau dipelajari seperti pergerakan, anggukan, isyarat, perubahan riak wajah, penampilan imej, ragam dan perubahan nada suara yang boleh diterjemahkan sebagai mesej antara pengirim dengan penerima. Para pengkaji termasuk McCroskey dan Richmond (2000), dan Floyd (2009) juga telah menggunakan istilah yang hampir sama mengenai KBL yang disatukan kepada sepuluh saluran KBL sebagaimana dalam jadual 1.

Jadual 1. Istilah Saluran KBL dalam Kajian

Bil	Istilah yang digunakan dalam kajian ini	Skop Kajian
1	Penampilan Fizikal	Berkenaan penampilan fizikal seseorang seperti pakaian
2	Kinetik	Berkenaan gerakan anggota badan seperti tangan dan kepala
3	Kronemik	Berkenaan penggunaan dan pengurusan masa
4	Haptik	Berkenaan sentuhan badan
5	Ekspresi wajah	Berkenaan ekspresi wajah yang diserlahkan
6	Okulesik	Berkenaan tunangan mata
7	Proskemik	Berkenaan jarak antara individu semasa berkomunikasi
8	Paralinguistik	Berkenaan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah
9	Artifaktual	Berkenaan persekitaran dan susun atur perabot
10	Olfatik	Berkenaan bau yang dipakai dan digunakan

Berdasarkan kepada definisi dan elemen KBL, saluran komunikasi ini sangat sinonim dalam PdPc sebagai salah satu kemahiran yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. KBL berperanan memudah cara pengajaran guru (Zailani, 2007), menarik perhatian pelajar (Burrough, 2007) dan mengurangkan gangguan komunikasi (Lau & Chan, 1972). Dari aspek pembelajaran, KBL turut memberi kesan positif dan langsung terhadap pembentukan sikap pelajar (Burrough, 2007), motivasi dan hasil pembelajaran (Macedonia & Knosche, 2011). Hasil kajian yang dilakukan oleh Halias (2016) mendapati KBL memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid kerana KBL dapat

meningkatkan motivasi dan minat pelajar ketika di bilik darjah serta meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran. (Halias, 2016).

3. Amalan KBL dalam Bilik Darjah Tradisional

Amalan KBL yang guru perlu lakukan ketika PdPc ialah guru perlu memperlihatkan penampilan fizikal yang tampak hebat dan bergaya kerana penampilan diri yang hebat adalah ciri guru yang cemerlang (Jasmi, 2010) dan menjadi daya penarik (Jaafar, 2004). Guru dikehendaki berpakaian kemas supaya kehebatan dirinya sebagai seorang pendidik terserlah. Selain itu, guru juga perlu membawa imej yang baik, menampilkan watak yang terpuji dan melengkapkan diri dengan kemahiran yang seiring dengan keperluan semasa (A. Rahman, 2012). Cara berpakaian contohnya menurut Mohd Noah, Abdul Karim dan Wan Jaafar (2009) adalah antara ciri personaliti guru yang boleh mempengaruhi sikap dan sahsiah murid.

Selain itu, guru sebagai komunikator seharusnya mengatur pergerakan badan mereka. Menurut Ellis (2009), gerak badan guru menjadi perhatian murid. Guru perlu mengawal pergerakan badan mereka supaya pengajarannya dinamik dan beranimasi. Tindakan ini memungkinkan pengajarannya berlangsung dalam keadaan yang penuh minat dan menyeronokkan untuk tempoh yang lama (McCroskey & Richmond, 2000; McCroskey, Richmond & Bennet, 2006). Dari aspek pengurusan masa pula, seseorang guru mesti peka dan bijak dalam pengurusan masa kerana ia merupakan salah satu indikator guru yang berkesan. Menurut Marzuki (2004), selain masuk dan keluar kelas tepat pada waktunya, seorang guru yang berkesan akan menggunakan sepenuh masanya seperti masa yang diperuntukkan untuk mengajar dan untuk pelajar menghabiskan tugasan dan latihan yang diberikan. Bagi Long (1983), menepati waktu adalah antara ciri guru yang disukai pelajar malah, sikap dan keperibadian seseorang guru boleh dinilai berdasarkan cara penggunaan waktu dan ketepatan mereka mematuhi waktu malah mempengaruhi cara mereka bertindak (McCroskey & Richmond, 2000).

Haptik atau sentuhan penting untuk menjalinkan hubungan baik guru dan pelajar dalam PdPc. Menurut Ahmad, Che Aman, & Amzah (2009), tanpa elemen sentuhan dapat mengurangkan keberkesanan pengajaran guru kerana murid bergantung kepada guru sebagai sumber motivasi dan sentuhan adalah satu kelakuan yang dilihat dapat memberikan galakan dan dorongan (motivasi) kepada murid untuk menjawab soalan. Bagi elemen ekspresi wajah, guru sewajarnya mempraktikkan senyuman yang sesuai bagi meredakan ketegangan emosi (Sipon, Jusoh, & Md. Yusof, 2002). Ashaari (1998) pula berpendapat sebagai pendidik, guru perlu sentiasa bermuka manis dan mesra dengan pelajar. Guru yang mesra akan disukai pelajar (Nasution, 1995), menggalakkan penyertaan murid, menggalakkan motivasi dua hala semasa proses PdPc (Deraman et al., 2002) dan mewujudkan suasana tenang dan kondusif (Ahmad Ibrahim, Wan Razali, & Osman, 2011).

Seterusnya, proses PdPc menjadi lebih berkesan sekiranya guru mengamalkan tingkah laku mata semasa berkomunikasi dengan murid. Guru yang berkesan akan mengekalkan tempo kontak mata dengan pelajar untuk jangka masa yang agak lama semasa berkomunikasi dengan pelajar (A. Rahman, 2012; McCroskey & Richmond, 2000). Tempo masa pertembungan mata guru semasa berkomunikasi dengan pelajar bagi menggambarkan komitmen guru. Menurut Osman (2000), orang yang berkomunikasi tidak hanya menggunakan mata untuk membuat gambaran awal, menyampaikan perasaan atau mengukuhkan maklumat bahkan pertembungan mata juga memberi gambaran komitmen kita dalam menjalinkan hubungan. Oleh itu, guru mesti wujudkan pertembungan mata untuk mendapatkan penghormatan dan kepercayaan pelajar. Begitu juga jarak antara guru dengan murid perlu dijadikan sebagai amalan dalam PdPc. Guru tidak sewajarnya menjauhkan diri

daripada pelajar dengan berdiri statik atau berada di belakang meja guru. Guru yang berkesan akan cuba menghampiri dan berdiri di samping murid. Guru yang mudah dihampiri dan menghampiri murid lebih disukai pelajar dan dianggap sebagai guru yang mesra (McCroskey & Richmond, 2000).

Akhirnya, guru perlu bijak memvariasikan suara semasa PdPc. Guru juga perlu bijak memvariasikan nada suara semasa memberikan mesej tertentu. Para pelajar tidak suka kepada guru yang bersuara rendah dan senada. Malah mereka akan menganggap guru tersebut sebagai membosankan, tidak prihatin dan kurang mesra (Georgakopoulos & Guerrero, 2010; McCroskey & Richmond, 2000). *Olfatik* atau bau-bauan juga diambilkira sebagai KBL dalam PdPc. Guru disaran supaya mengambil berat tentang bau badan dan bau yang dipakai. Walaupun mesej bau adalah halimunan, bau itu boleh menarik atau menjauhkan seseorang dengan seseorang atau sesuatu (Richmond & McCroskey, 2000). Di samping itu, aspek *artifaktual* iaitu persekitaran fizikal seperti susun atur perabot, reka bentuk, warna, pencahayaan, suhu dan pemandangan juga menjadi elemen KBL yang perlu diberi perhatian dalam PdPc. Guru perlu prihatin kepada fizikal kelas kerana persekitaran kelas memberi kesan kepada diri dan emosi pelajar serta mempengaruhi proses PdPc (McCroskey & Richmond, 2000). Menurut Sulaiman (2004), bilik darjah adalah rumah kedua bagi pelajar dan persekitarannya mempengaruhi persediaan mental dan psikologi mereka. Kelas wajar disusun mengikut selera yang dapat memberangsangkan pembelajaran.

4. Amalan KBL dalam Bilik Darjah Atas Talian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti kemahiran abad ke-21 yang sesuai dan perlu dikuasai dalam pengajaran dan pembelajaran menurut konteks tempatan untuk mempersiapkan warga Malaysia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Antara kemahiran abad ke-21 ini ialah dalam bidang inovasi, komunikasi, teknologi maklumat dan kemahiran hidup (Ismail & Othman, 2017). Perkembangan yang berlaku dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan yang besar dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh, penggunaan simbol “e” yang diertikan sebagai elektronik sudah mula muncul dan diaplikasikan dalam PdPc seperti *e-education* dan *e-learning* yang dilaksanakan secara atas talian atau maya. Kemunculan era baharu yang dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 juga turut sama melibatkan bidang pendidikan yang memerlukan perubahan dan pembaharuan dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan pengajaran dan pembelajaran era baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa sepertimana Revolusi Industri 4.0 yang berlaku.

Amalan KBL dalam PdPc secara atas talian sudah pasti menjadi satu kesukaran kepada guru kerana kemahiran ini lebih tepat diamalkan secara bersemuka dalam bilik darjah secara langsung. Tetapi sekiranya guru mempunyai penguasaan yang baik terhadap kemahiran KBL semasa melaksanakan PdPc secara bersemuka, guru hanya perlu melakukan perkara yang sama semasa melakukannya secara atas talian. Ghamdi, Samarji dan Watt (2016) menyatakan bahawa guru perlu menguasai kedua-dua kemahiran komunikasi, iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan sebagai satu pendekatan yang berkesan dalam PdPc. Jika komunikasi berkesan dalam bilik darjah menjadi faktor utama kejayaan pengajaran guru, maka kesedaran mereka tentang komunikasi berkesan secara atas talian juga perlu dipraktikkan. Hal ini berdasarkan kepada keperluan masyarakat dunia yang beralih ke satu anjakan paradigma lain dalam bidang ekonomi, teknologi, sosial, komunikasi termasuklah bidang pendidikan (Ismail & Othman, 2017).

Kajian oleh Ghamdi, et. al. (2016) mengenai persepsi pelajar terhadap kemahiran komunikasi (lisan dan bukan lisan) dan penyertaan mereka secara atas talian dalam

pendidikan jarak jauh bagi program yang ditawarkan oleh Universiti Saudi mendapati bahawa komunikasi lisan dan bukan lisan dalam PdPc secara atas talian sangat signifikan dalam menyumbang ke arah mengurangkan jurang dan perbezaan, menggalakkan kebergantungan penuh pelajar kepada guru dan mempromosikan PdPc secara atas talian. Menurut Adnan, Din, Mohd Hussim, Ahmad, & Abu Hassan (2014), aktiviti seperti forum, kuiz dan hebahan maklumat secara atas talian dapat meningkatkan interaksi di antara pelajar dan pensyarah bagi memantapkan pelaksanaan pembelajaran secara bersemuka. Menyedari kelebihan dan kepentingan pembelajaran secara atas talian kepada pelajar, kajian tentang pembelajaran secara atas talian ini perlu diperluaskan kepada subjek dan program lainnya.

Menurut Husain (2014), guru perlu melakukan perubahan dan pembaharuan dalam amalan pengajaran yang berbentuk tradisional kerana cara sedemikian kurang relevan dengan perkembangan teknologi dan komunikasi yang berubah secara intensif. Pembaharuan ini berperanan sebagai penghubung dalam pelaksanaan penyampaian ilmu pengetahuan tanpa menghilangkan cara pengajaran yang berlangsung secara bersemuka dalam bilik darjah. Pelaksanaan teknologi dan komunikasi dalam PdPc ini dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dari aspek hasil pembelajaran murid serta mutu para pendidik dalam penggunaan teknologi secara lebih tepat dan bermanfaat. Dapatan kajian Mohd Desa, Embi dan Hashim (2019) menunjukkan bahawa murid memberi respon yang cukup baik ketika menggunakan Instagram untuk PdPc dan ini menarik minat serta motivasi mereka untuk belajar.

E-pembelajaran yang diaplikasikan dalam bidang pendidikan mempunyai manfaat khusus seperti merangsang minat murid dalam proses pembelajaran. Melalui pemanfaatan e-pembelajaran, guru dapat menyampaikan isi pelajaran melalui apa sahaja bentuk teknologi secara atas talian seperti penggunaan internet, gajet elektronik, emel, laman web dan juga blog tanpa perlu bergantung penuh kepada penggunaan papan tulis. Murid juga dapat menggunakan lebih banyak waktu untuk berkomunikasi, berbincang ataupun bertanya soalan kepada guru dalam keadaan yang selesa. E-pembelajaran sebagai media pengajaran baharu dapat memberi peluang kepada murid berkomunikasi dan mendapat ilmu secara lebih luas jika dibandingkan cara tradisional yang berlaku dalam bilik darjah. Kajian-kajian tentang pengajaran abad ke-21 di Malaysia membuktikan bahawa guru dan murid berupaya untuk mengadakan pengajaran alaf baharu ini, iaitu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi walaupun pelaksanaannya masih di peringkat permulaan dengan kaedah yang paling asas (Radin & Yasin, 2018).

Isu pelaksanaan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab secara atas talian ini bertepatan dengan perkembangan arus perdana yang memerlukan pelaksanaan PdPc yang dilaksanakan dengan berkesan. Disebabkan kajian mengenai KBL secara atas talian ini masih tidak dipraktikkan di Malaysia, maka penulisan ini merupakan permulaan kepada penambahbaikan dalam pendekatan pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Para guru digalakkan memanfaatkan e-pembelajaran sebagai suatu strategi dalam sistem pembelajaran baharu. Pemanfaatan e-pembelajaran dapat dijadikan sebagai sebuah sistem untuk mewujudkan situasi belajar yang lebih efektif. Guru pula dapat mengoptimumkan jam pembelajaran secara bersemuka dalam bilik darjah dengan melakukan urusan lain yang lebih bermanfaat tanpa dibatasi waktu dan tempat. Melalui kemudahan e-pembelajaran sebenarnya dapat dijadikan sebagai sebuah alternatif baharu yang dapat dimanfaatkan dalam dunia pembelajaran moden.

5. Amalan KBL dalam Pengajaran Bahasa Arab

Kemahiran KBL dalam pengajaran BA perlu dikuasai oleh guru dan diterapkan dengan berkesan ketika guru melaksanakan PdPc bahasa. Amalan KBL yang berterusan dalam

pengajaran BA sangat bertepatan dengan bahasa sasaran tersebut. Saranan ini selari dengan pelaksanaan BA sebagai salah satu mata pelajaran tambahan di sekolah mempunyai matlamat untuk membolehkan pelajar berkomunikasi menggunakan Bahasa Arab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Di samping itu, objektif pembelajaran Bahasa Arab adalah untuk membolehkan murid menguasai kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (JAPIM, 2000). Pembelajarannya juga adalah usaha untuk memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran (Pa, 2017, Ismail, 2001), bahasa ilmu dan ketamadunan (Azhari, Abdul Jabar, & Hasbullah, 2005) serta merupakan satu syiar Islam. Selain itu, tujuan mempelajari Bahasa Arab adalah untuk mendalami ajaran Islam (Ismail, 2001) di samping menguasainya untuk urusan komunikasi di peringkat global kerana ia merupakan bahasa kontemporari (Mohamed, 2001).

Jadual 2 berikut menunjukkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam amalan KBL semasa guru melaksanakan PdPc BA di dalam bilik darjah dan melalui atas talian.

Jadual 2. Perbandingan antara Amalan KBL dalam Bilik Darjah dan Atas Talian

Elemen KBL	Amalan KBL	Perbandingan
Penampilan Fizikal	Penampilan fizikal guru adalah sama di antara kehadiran mereka di bilik darjah dan secara atas talian.	
Kinesik	Kepatuhan kepada gerakan anggota badan oleh guru menampung proses pembelajaran secara elektronik yang bukan dijalankan secara bersemuka.	
Kronemik	Berkenaan penggunaan dan pengurusan masa	Terdapat persamaan
Ekspresi wajah	Ekspresi wajah yang diserahkan oleh guru didokong oleh elemen multimedia seperti visual yang jelas.	amalan yang
Okulesik	Tenungan mata perlu selari dengan rakaman video. Akan tetapi ia tidak berlaku semasa PdPc kemahiran mendengar kerana besar kemungkinan hanya audio digunakan untuk tujuan tersebut.	perlu
		dipraktikkan
		antara KBL di
		dalam bilik
		darjah dan e-
		pembelajaran.
Paralinguistik	Kualiti rakaman video guru menentukan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah. Oleh itu, guru perlu menjaga kualiti rakaman atau mengingatkan murid untuk menggunakan alat pembesar suara serta tidak berlaku kerosakan.	
Haptik	Tiada haptik atau sentuhan badan dengan e-pembelajaran berlaku.	
Proskemik	Tiada jarak antara individu semasa berkomunikasi kerana murid hanya menggunakan peranti elektronik seperti telefon bimbit atau komputer semasa PdPc.	Terdapat perbezaan
Artifaktual	Proses PdPc berlaku di mana-mana sahaja melalui e-pembelajaran, tiada susun atur perabot diperlukan.	amalan yang
		perlu
		dipraktikkan
		antara KBL di
		dalam bilik
		darjah dan e-
		pembelajaran.
Olfatik	Elemen KBL ini tidak diterapkan dan tidak berkaitan dalam e-pembelajaran.	

6. Amalan KBL secara Tradisional dan Atas Talian

Pengajaran bahasa asing seperti pengajaran BA memerlukan guru mengaplikasikan KBL kerana penguasaan dan pelaksanaannya yang tepat mampu menjadikan pengajaran bahasa lebih menepati tabiat semula jadi bahasa sasaran tersebut. Guru perlu menyedari tentang teknik mengajar yang menepati dengan tahap penerimaan, pemahaman serta sesuai dengan kebolehan dan keupayaan murid. Sekiranya tahap pengajaran guru diselaraskan dengan tahap pemahaman dan kebolehan murid, maka proses pengajaran guru akan menjadi lebih

bermakna dan mudah diterima oleh murid. Ahmad (2016) menegaskan keupayaan guru untuk memupuk rasa ingin belajar dalam diri pelajar boleh menyebabkan pelajar lebih berminat dan tertarik untuk mengikuti pengajaran guru.

Guru bahasa Arab yang baik seharusnya memiliki banyak ciri antaranya ialah suara yang jelas, persediaan psikologi dan pengetahuan, perancangan pengajaran yang rapi, kreatif, bersemangat dan bijak membangkitkan motivasi, penampilan yang menarik dan sebagainya (Ismail & Pa, 2007). Malah, guru perlu berfungsi sebagai fasilitator, inspirator, motivator dan direktor pembelajaran dalam mempersiapkan pembelajaran yang otonom (Mukhtar & Ag. Damit, 2015). Guru bahasa Arab adalah agen perhubungan yang paling penting dan dominan dalam interaksi bilik darjah. Beliau turut menegaskan bahawa selain menguasai ilmu, guru perlu menyampaikan isi pelajaran dengan bahasa yang boleh difahami golongan sasaran iaitu pelajar. Kemahiran KBL sangat sinonim dalam PdPc sebagai salah satu kemahiran yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan sepertimana menurut Zailani (2007), KBL berperanan memudah cara pengajaran guru, menarik perhatian pelajar (Burrough, 2007) dan mengurangkan gangguan komunikasi (Lau & Chan, 1972).

Selain itu, KBL turut memberi kesan positif dan langsung terhadap pembentukan sikap pelajar (Burrough, 2007), motivasi dan hasil pembelajaran (Macedonia & Knosche, 2011). Malah, KBL memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid kerana KBL dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar ketika di bilik darjah serta meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran (Halias, 2016). Lagi, amalan KBL mampu untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar untuk meneroka perkara baharu serta membuat eksperimen semasa sesi PdPc dilaksanakan. Ini kerana, guru tidak hanya menggunakan masa mereka untuk bercakap, memberi arahan atau menterjemah secara langsung tentang sesuatu pelajaran, malah menggunakan kemahiran KBL untuk membantu pelajar memahami tajuk dan mencapai objektif pelajaran. Hal demikian bertepatan dengan pelaksanaan pengajaran yang berasaskan KBAT dalam teori Ibnu Khaldun yang mementingkan kefahaman dan amalan dalam kalangan pelajar serta menghargai mereka mengikut landas falsafah pendidikan Islam (Othman, Ahmad@Mohammed, & Kassim, 2017).

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai kemahiran KBL dalam PdPc BA, guru perlu menguasai kemahiran KBL dalam PdPc sama ada secara bersemuka dengan murid dalam bilik darjah mahupun secara atas talian. Ini kerana, kemahiran komunikasi yang berkesan menyumbang kepada pencapaian yang besar dalam dunia pengajaran. Komunikasi yang berkesan akan merangsang pelajar untuk menerima mesej dan mampu memahami kandungan dengan cepat secara rela mengikut salah bentuk dalam komunikasi, iaitu konsep pemujukan oleh guru (Aini, Don, Mokhtar, & Ahmad Fauzi, 2019). Dari kefahaman dan perbincangan yang dikemukakan di atas, Jadual 3 memberi gambaran khusus tentang amalan KBL yang perlu diamalkan oleh guru di dalam bilik darjah dan di atas talian, iaitu:

Jadual 3. Amalan KBL dalam Bilik Darjah Tradisional dan Atas Talian

Bil	KBL Secara Tradisional	KBL Secara Maya/Atas Talian
1	Kepekaan guru terhadap sikap dan respon murid tidak terbatas. Ia berlaku secara terus (<i>face to face</i>) apabila berada di dalam bilik darjah tradisional.	Kepekaan guru terhadap sikap dan respon audien (murid) terbatas. Ia hanya boleh diperhatikan melalui respon murid, jawapan kepada soalan dan perbincangan secara bertulis jika menggunakan komunikasi sehala atau berdasarkan web 1.0 sahaja.
2	Kawalan bilik darjah perlu berlaku seperti amalan sedia ada. Guru menggunakan kemahiran sedia ada yang dimiliki dan memantau keadaan serta pergerakan murid di dalam bilik darjah.	Kawalan bilik darjah tidak berlaku sepertimana guru mengelola sesi PdPc secara tradisional. Namun, guru perlu mengawal sesi perbincangan dengan teratur dan mesti peka dengan setiap interaksi murid.

3	Guru berdepan dengan audien (murid) secara terus (<i>face to face</i>) dan melaksanakan PdPc seperti biasa.	Guru hanya perlu membayangkan audien (murid) berada di hadapan mereka dan berlagak seolah-olah sedang berkomunikasi dengan murid.
4	Guru berdepan dengan murid yang mempunyai perwatakan, sikap, ragam dan pertanyaan yang pelbagai. Di sini, guru perlu bijak dan berperanan untuk mewujudkan keharmonian bilik darjah sehingga PdPc selesai.	Tiada gangguan (sikap, pertanyaan dan lain-lain) daripada murid yang boleh menyebabkan guru hilang fokus di dalam bilik darjah. Dalam masa yang sama, guru dapat menjimatkan masa dan menghabiskan sesi penerangan mereka dalam jangka masa yang ditetapkan.
5	Amalan KBL yang perlu diterapkan merangkumi 10 elemen sedia ada dan dengan kemahiran guru dalam pedagogi.	KBL yang diamalkan perlu sesuai dengan elemen multimedia yang digunakan. Jika guru menggunakan audio, maka intonasi suara perlu ditingkatkan. Dan jika guru menggunakan audio visual, maka kemahiran KBL secara maya adalah sama dengan cara tradisional.
6	Interaksi berlaku secara dua hala (<i>two way communication</i>) antara guru dan murid. Akhirnya, hasil pembelajaran dapat dicapai untuk sesuatu mata pelajaran.	Terdapat cabaran dalam interaksi di antara guru dan murid dalam komunikasi di alam maya. Ia perlu ditangani dengan bijak oleh guru dengan KBL yang berkesan. Jika cabaran ini tidak dapat ditangani, maka akan berlaku komunikasi sehalah (<i>one way communication</i>) sahaja.

7. Isu dalam Amalan KBL secara Tradisional dan Atas Talian

Melalui perbincangan mengenai perbandingan teknik KBL yang harus diamalkan oleh guru dan juga titik perbandingan yang wujud antara amalan ini di dalam kelas tradisional dan atas talian, kajian ini telah mengesan beberapa isu penting kesediaan guru dalam amalan ini. Isu kesediaan amalan KBL atas talian yang dikenalpasti adalah seperti:

- i. Masa bekerja guru bertambah untuk menyediakan bahan atau modul untuk pengajaran atas talian. Menurut Ishak dan Siti Nur Fatimah (2018) tugas akademik guru merangkumi tiga bahagian iaitu, mengajar, memberi tugas kepada pelajar dan mengendalikan ujian atau peperiksaan, manakala tugas bukan akademik meliputi pengurusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal murid dan pengurusan aktiviti kokurikulum. Masa yang terhad ini pasti menjadi penghalang kepada penyediaan modul atas talian dan komunikasi berkesan guru dalam kedua-dua platform, iaitu secara tradisional dan maya.
- ii. Kebanyakan guru tidak mempraktikkan kajian-kajian pendidikan yang dilakukan sebelum ini yang menyebut bahawa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) perlu diterapkan dalam PdPc mereka. Antara keistimewaan penggunaan TMK adalah untuk memberi hak sama rata dan peluang yang sama kepada murid dalam proses PdPc. Penggunaan TMK dan multimedia dilihat tidak rancak kerana penerimaan dan kesedaran guru masih berada pada tahap rendah ditambah dengan kekurangan peralatan yang menyumbang kepada senario ini (Ramli & Syed Abu Bakar, 2015).
- iii. Prestasi kerja guru didorong oleh banyak faktor dalaman dan luaran. Manakala Sustrisno (2011) menjelaskan ia melibatkan faktor individu dan persekitaran. Faktor individu dizahirkan melalui usaha dari bentuk fizikal dan mental seseorang guru, kebolehan mereka dalam melaksanakan sesuatu tugas serta persepsi dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pihak pentadbir. Manakala faktor persekitaran pula merujuk kepada situasi tempat kerja, kemudahan yang lengkap, waktu kerja guru, gerak kerja sesuatu organisasi yang mentadbir kelompok guru. Keterbatasan guru dalam memenuhi semua tuntutan kerja yang pelbagai

menyebabkan mereka hilang fokus ketika berkomunikasi dengan murid. Ini kerana, fizikal yang tidak bertenaga menzahirkan komunikasi yang tidak berkesan ketika sesi PdPc.

- iv. Tahap kesediaan guru dalam penggunaan multimedia dalam PdPc masih berada pada tahap sederhana. Ini disokong oleh kajian Lubis, Wan Hassan dan Hamzah (2017) bahawa tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) ini tinggi, namun tahap kesediaan mereka masih lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Walaupun kajian tertumpu kepada guru Pendidikan Islam, namun mereka juga antara tenaga pengajar untuk subjek Bahasa Arab di kebanyakan sekolah di Malaysia. Dapatan menunjukkan, walaupun guru mempunyai pengetahuan terhadap penggunaan multimedia dalam PdPc, akan tetapi ia tidak selari dengan kesediaan mereka dalam penggunaan BBM ini.
- v. Amalan kemahiran KBL di dalam bilik darjah dan secara atas talian mempunyai persamaan dan perbezaan. Guru menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan berkesan ketika menjalankan PdPc di dalam bilik darjah dan tidak dapat memenuhi kesemua keperluan murid. Apabila KBL dijalankan di atas talian pula, guru tidak peka dengan teknik KBL atas talian yang sepatutnya dilaksanakan. Di sini guru tidak peka terhadap teknik-teknik persamaan dan perbezaan yang perlu diterapkan di dalam kedua-dua kelas tersebut. Ini disokong oleh Yuzer (2007) dalam kajian beliau tentang komunikasi bersemuka dalam pelaksanaan pengajaran secara atas talian bahawa teknik dan strategi berkesan perlu dipatuhi untuk mencapai objektif pembelajaran.

8. Cadangan dalam Amalan KBL secara Tradisional dan Atas Talian

Melalui sudut perbincangan tentang kepentingan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdPc, perubahan iklim dalam pendidikan semasa serta komunikasi guru dalam bilik darjah, KBL patut diamalkan secara berkesan secara atas talian. Kajian ini membuat kesimpulan mengenai pelaksanaan amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab seperti berikut:

- i. Modul dan bahan bantu mengajar (BBM) perlu disediakan lebih awal supaya mata pelajaran dapat dilunaskan seperti Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT). Sekaligus, ia dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan kelas ganti (*relief class*) pada hari persekolahan. Hal ini akan menjimatkan masa guru dan murid di dalam bilik darjah tradisional apabila amalan e-pembelajaran dan kemahiran KBL berlaku dengan berkesan.
- ii. E-pembelajaran dengan bantuan KBL yang berkesan membantu guru memberi peluang sama rata kepada murid untuk turut serta dalam setiap perbincangan yang berlaku di dalam bilik darjah. Di sini, murid yang pintar akan ada peluang untuk menjawab, begitu juga dengan murid yang sederhana atau lemah. Secara tidak langsung, akan wujud budaya kerjasama atau pembelajaran kolaboratif di antara murid yang pintar dan yang lainnya bagi memahami mata pelajaran yang dibincangkan.
- iii. Amalan e-pembelajaran sudah dibuktikan melalui kajian-kajian sebelum ini yang mana ia mampu untuk mengesan kelebihan dan kelemahan murid dalam bilik darjah

yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Oleh itu, guru digalakkan untuk mempraktikkan amalan KBL dalam bentuk e-pembelajaran. Walaupun guru menyedari kepentingan multimedia dan peranannya dalam keberkesanan PdPc, namun proses PdPc bergantung kepada usaha dan amalan guru selaku pelaksana dasar pendidikan terutama PdPc berkesan berbantuan multimedia (Lubis et al., 2017). Justeru, amat penting untuk menjaga hal-hal kebajikan guru seperti meringankan bebanan tugas pentadbiran supaya mereka boleh menumpukan kepada kerja hakiki iaitu PdPc.

- iv. Bakal guru di institusi perguruan IPTA dan IPTS perlu diterapkan dengan kemahiran komunikasi yang berkesan melalui latihan khusus. Walaupun dapatan kajian Mohd Dazali dan Awang (2014) menunjukkan bahawa pencapaian akademik guru mempunyai hubung kait dengan kemahiran komunikasi para guru, namun tidak semestinya semua bakal guru mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan dalam KL dan KBL. Oleh yang demikian, kedua-dua perkara ini perlu berjalan serentak semasa latihan perguruan bagi memastikan graduan yang bakal menjadi guru dilengkapi dengan tahap kemahiran komunikasi yang tinggi sekaligus dapat menghadapi kesukaran dari aspek bebanan tugas dan berpengetahuan dalam penyampaian isi kandungan terkini seperti e-pembelajaran.
- v. Prasarana lengkap perlu dibangunkan untuk memudahkan pihak guru melaksanakan tugas mereka. Tanpa prasana lengkap, amat sukar untuk amalan KBL dilaksanakan dengan jayanya. Justeru, amat wajar sekiranya jawatan pembantu guru diwujudkan untuk membantu tugas guru di samping bantuan teknikal daripada staf IT di sekolah dalam menjaga prasarana yang bermutu untuk amalan KBL secara atas talian.
- vi. Jika terdapat isu dalam kesediaan guru untuk menggunakan multimedia dalam PdPc, ini bermakna terdapat faktor halangan yang perlu dikaji. Fenomena ini perlu diberi fokus demi membolehkan pelaksanaan PdPc dilaksanakan dengan bantuan multimedia dan bukan semata-mata tahu tentang kepentingan penggunaannya pada era ini. Hal ini berlaku kerana, kebanyakan guru hanya mahir menggunakan peralatan IT asas sahaja dan tidak didedahkan dengan latihan untuk penggunaan aplikasi dan teknologi web yang semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi Y.
- vii. Kepekaan guru terhadap kepentingan amalan KBL harus ditingkatkan. Rangsangan seperti nada suara yang berubah, BBM dan permainan dalam PdPc akan menimbulkan minat dan rasa ingin tahu pelajar (Lubis, et al., 2017). Jadi, KBL patut diterapkan dalam diri setiap guru dari semasa ke semasa melalui pelbagai cara dan program seperti kursus LADAP yang memfokuskan kepada kemahiran KBL dan penggunaan multimedia.

9. Kesimpulan

Kepentingan KBL dalam sesuatu pengajaran perlu diberi perhatian serius kerana ia merupakan satu bidang komunikasi yang berkaitan dengan aktiviti atau proses penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Dalam pengajaran BA, kemahiran KBL merupakan satu strategi untuk menilai tahap kefahaman murid dan menarik minat murid terhadap bahasa tersebut. Melalui kaedah meta analisis yang digunakan dalam penulisan ini, didapati guru Bahasa Arab masih belum mengamalkan KBL secara lebih berkesan baik di dalam bilik darjah tradisional mahupun secara atas talian. Justeru, pembudayaan KBL dalam

pengajaran BA sama ada melalui dalam bilik darjah tradisional dan secara atas talian mesti menampakkan kesan yang positif kepada guru dan murid. Guru perlu membudayakan amalan KBL dalam PdPc dengan dua cara yang berbeza memandangkan arus perubahan pengajaran dan pembelajaran era baharu ini yang menjadikan pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa sepertimana Revolusi Industri 4.0 yang berlaku. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa KBL sangat penting dalam pengajaran guru Bahasa Arab dalam membantu proses pembelajaran murid dan pemerolehan bahasa mereka. Bagi mencapai keberkesanan pengajaran BA yang optimum, guru yang mengajar secara tradisional ini disarankan supaya memperbaiki kelemahan dalam kemahiran KBL mereka terlebih dahulu. Ini kerana ia akan menjadi bertambah sukar sekiranya PdPc dijalankan secara maya. Guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti arus perubahan pengajaran dan pembelajaran era baharu ini kerana keperluan dalam pendidikan sentiasa berubah dari semasa ke semasa sepertimana Revolusi Industri 4.0 yang berlaku.

Rujukan

- A. Rahman, K. A. (2012). Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37-44.
- Abu Ali, M. B. H. (1984). *Manahij wa ara' fi lughat al-Quran*. Amman: Darul Fikr.
- Adnan, A., Din, R., Mohd Hussim, M. S., Ahmad, J. & Abu Hassan, M. N. Z. (2014). Amalan penggunaan portal pembelajaran PPG dalam kalangan pelajar program pensiswazahan guru (IPG): Satu tinjauan dari perspektif pelajar. *TEMPAWAN Jurnal Penyelidikan. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*. KPM.
- Ahmad Ibrahim, M. A., Wan Razali, W. M. F. A, & Osman, H. (2011). *Kaunseling dalam Islam*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad, M. (2016). *Amalan pengajaran berkesan guru bahasa Arab di Pahang*. (Tesis Sarjana). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ahmad, N. S., Che Aman, R. & Amzah, F. (2009). Komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan guru pelatih. bahasa verbal dan bukan verbal I. Dlm. *Komunikasi, Pendidikan dan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Aini, Z., Don, A. G., Mokhtar, A. I. & Ahmad Fauzi, N. U. (2019). Strategi komunikasi memujuk pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada masyarakat orang asli di selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 12-26.
- Al-Arini, A. B. (2011). *Mada tawafur maharat al-ittisal ghair al-lafziah lada hai'ati al-tadris fi kulliyati al-ulum bi jaamiati al-qasim min wajhati nazari al-talabah*. (Tesis Sarjana). Baghdad: Akadimiyyah al-Dirasat al-Arabiyyah.
- Ashaari, O. (1998). *Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhari, A. R. H., Abdul Jabar, M. A., & Hasbullah, A. (2005). Kamus dalam talian untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia Cabaran dan Inovasi* (pp. 48-66). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.
- Burrough, N.F. (2007). A reinvestigatation of the relationship of teacher nonverbal immediacy and student compliance resistance with learning. *Communication Education*, 56 (4), 453-475.
- Deraman, H., Yusof, S., Abdullah, R., & Nawi, S. (2002). Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Dlm. Sulaiman Md. Yasin, Mohd Salleh Lebar (Pnyt.). *Komunikasi dalam pengajaran dan kepimpinan pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications.

- Desa, A. F. M., Embi, M. A., & Hashim, H. (2019). The effects of instagram based activities in improving secondary school students' writing skill. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 3(4), 339-363.
- Ellis, R. (2009). *Communications skills: stepladders to success for the professional*. Bristol, UK: Intellect Books.
- Floyd, K. (2009). *Interpersonal communication*. New York: Mc Graw Hill Inc.
- Georgakopoulos, A., & Guerrero, L.K. (2010). Students perceptions of teachers' nonverbal and verbal communication of best and worst professor across six cultures. *International Education Studies*, 2.
- Ghamdi, A.A., Samarji, A., & Watt, A. (2016). Essential considerations in distance education in KSA: teacher immediacy in a virtual teaching and learning environment. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(1).
- Halias, N. (2016). *Komunikasi nonverbal dalam pengajaran bahasa arab di sekolah menengah agama*. (Tesis PhD). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Halias, N., Ismail, Z., & Baharudin, H. (2017). *Komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab*. Bangi: UKM.
- Hamzah, M. S. G, Ramli, & Mohd Daud, S. (2011). *Karakter guru, ilmu diagong guru disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Husain, C. (2014). Pemanfaatan teknologi informasi dan komunikasi dalam pembelajaran di sma muhammadiyah tarakan guru sma muhammadiyah tarakan. *Jurnal Kebijakan dan Pengembangan Pendidikan*, 2(2), 184-192.
- Ishak, R. & Siti Nur Fatimah. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja, dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1).
- Ismail, M. R. & Pa. M. T. (2007). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, M. Z., & Othman, M. H. (2017). amalan pedagogi abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih program ijazah sarjana muda perguruan (PISMP) pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 13. Institut Pendidikan Guru. Kampus Ipoh.
- Ismail, Z. (2001). *Hubungan antara persekitaran bahasa Arab dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar universiti di Malaysia*. (Kertas Projek Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar, A. N. (2004). *Kuasa karisma*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- JAPIM. (2000). *Sukatan pelajaran bahasa Arab komunikasi KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2010). *Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. satu kajian kes*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1997). *Akta pendidikan*. Kuala Lumpur: MDC Publication.
- Kendon, A. (1981). *Nonverbal communication: Interaction and gesture*. The Hague: Mouton Publisher.
- Lau, K. C., & Chan, B. F. (1972). Komunikasi pengajaran. *Jurnal Masalah Pendidikan*.
- Long, A. (1983). *Pedagogi: Kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lubis, M. A., Wan Hassan, W. N. S., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13.

- Macedonia, M., & Knosche, T.R. (2011). Body in mind: how gestures empower foreign language learning. *Mind, Brain, and Education*, 5(4): 196-211.
- Marzuki, S. C. (2004). Amalan pengajaran yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di wilayah persekutuan dan selangor. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*, 24.
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal behavior in interpersonal relations*. (4th ed.) Boston: Allyn & Bacon.
- McCroskey, J. C., Richmond, V. P., & Bennet, V. E. (2006). The relationship of student ends of class motivation with teacher communications behaviours and instructional outcomes. *Communication Education*, 55(4).
- Mohamed, A. K. (2001). *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Dazali, N. S., & Awang, M. I. (2014). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan IPTA di utara semenanjung malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 4(2), 44-56.
- Mohd Noah, S., Abdul Malek & Wan Jaafar, W. M. (2009). *Panduan rasmi MEDSI (Malaysian Educators Selection Inventory)*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Mukhtar, M. Z., & Ag. Damit, S. (2015). Amalan penggunaan lughat al-fasl dalam kalangan guru pelatih J-QAF. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*. Bangi: IPG Pendidikan Islam.
- Nasution, S. (1995). *Didaktif asas-asas mengajar*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Osman, M. (2000). *Pengucapan awam yang berkesan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Sdn. Bhd.
- Othman, M. S., Ahmad, A. A. K. S., & Kassim, A. Y. (2017). Konsep Malakah Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 12-26.
- Pa, M. T. (2017). Perbandingan ciri-ciri umum nahu bahasa Arab dan bahasa Melayu dan kaitannya dengan kesulitan pelajar-pelajar melayu mempelajari bahasa arab. *Journal of Modern Languages*, 13(1), 133-147.
- Radin, M., & Yasin, M. A. M. (2018). Pelaksanaan pendidikan abad ke-21 di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 10(3-2).
- Ramli, S., & Syed Abu Bakar, S. A. (2015). Cabaran yang dihadapi pendidikan seni visual dengan kemunculan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 81-93.
- Silberman, M. (2010). *Pembelajaran aktif: 101 strategi untuk mengajar apa jua subjek siri pembangunan profesion perguruan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Sipon, S., Jusoh, A. J., & Md. Yusof, H. (2002). *Kaunseling individu*. Selangor: Prentice Hall.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sustrisno, E. (2011). *Manajemen sumber daya manusia*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Yuzer, T. V. (2007). Generating virtual eye contacts through online synchronous communications in virtual classroom applications. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*, 8(1), 3.
- Zailani, M. A. (2007). *Aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab sekolah menengah*. (Tesis Phd). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Biografi Penulis

Nor Azhan Norul'Azmi, pemegang Sarjana Pendidikan (Bahasa Arab) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab & Kesusasteraan). Beliau juga mempunyai pengalaman dalam bidang pedagogi, pengendalian program akademik dan pengurusan sekolah semasa memegang jawatan sebagai guru selama 2 tahun bermula pada tahun 2007 sehingga 2009 sebelum melangkah ke dunia pengajaran dan pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Selama perkhidmatan di KUIS, beliau aktif menerbitkan modul pengajaran, buku teks, kursus jangka pendek bagi orang awam, kelas persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah dan penggubalan program akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bahasa Arab. Manakala bidang kepakaran beliau pula ialah bahasa dan linguistik Arab, kemahiran asas bahasa Arab, pedagogi dan pendidikan Bahasa Arab. Kini beliau giat berkecimpung dalam penyelidikan bahasa Arab termasuk penerbitan prosiding, artikel jurnal dan pembentangan kertas kajian di seminar kebangsaan dan antarabangsa. Alamat e-mel: norazhan@kuis.edu.my